



PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) KEBENARAN KEMASUKAN PENONTON KE STADIUM BAGI PERLAWANAN LIGA MALAYSIA 2021

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

- i. Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Malaysian Football League (MFL) telah bersetuju untuk membenarkan kemasukan penonton ke stadium bagi perlawanan-perlawanan Liga Malaysia bermula 1 April 2021.
- ii. Keputusan ini dibuat setelah mendapati semua pasukan yang bertanding di dalam Liga Malaysia 2020 telah memberi kerjasama yang baik dengan mematuhi Garis Panduan seperti berikut:
 - a. Garis Panduan Dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Latihan Pasukan Fasa I, Latihan Tanpa Sentuhan Fizikal (15 Jun 2020)
 - b. Garis Panduan Dan Prosedur Operasi Standard (SOP) Latihan Pasukan Fasa II, Latihan Kontak (*Contact Training*) (15 Julai 2020)
 - c. Garis Panduan Pengelolaan Perlawanan Persahabatan (2 Ogos 2020)
 - d. Garis Panduan Pengelolaan Perlawanan Liga Malaysia Tanpa Penonton (20 Ogos 2020)
 - e. Penyambungan semula Liga Malaysia 2020 (28 Ogos 2020)
 - f. Prosedur Operasi Standard (SOP) Latihan Pasukan (Latihan Berkontak) Dan Hari Perlawanan Liga Malaysia 2021 (11 Februari 2021)
 - g. Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlawanan Liga Malaysia 2021 (2 Mac 2021)
- iii. Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlawanan Liga Malaysia 2021 (2 Mac 2021) seperti yang diedarkan adalah masih terpakai bagi pengelolaan perlawanan, komposisi petugas dan operasi perlawanan.
- iv. Bagi tujuan keselamatan dan kesihatan penonton, MKN dan MFL menetapkan bahawa jumlah kemasukan penonton yang dibenarkan ke stadium adalah seperti berikut:
 - a. PKPP - 25% (tertakluk kepada kebenaran penganjur) maksima 8000 penonton.
 - b. PKPB - 10% dari kapasiti sesebuah stadium atau maksima 2000 orang penonton.
- v. Walau bagaimanapun, bagi stadium yang mempunyai kapasiti melebihi empat puluh ribu jumlah maksimum kemasukan penonton ke stadium adalah sebanyak **LAPAN RIBU penonton (termasuk pemegang pas/tiket bermusim) sahaja atau keputusan yang ditetapkan oleh MFL.**
- vi. Jumlah tersebut tidak termasuk jumlah tetamu VVIP/VIP, Pegawai Perlawanan, Tribun Media, Pegawai Pasukan, Pemain Petugas Stadium dan Pasukan Keselamatan seperti yang telah diluluskan bagi Garis Panduan Pengelolaan Perlawanan Tanpa Penonton sebelum ini.

BAHAGIAN 2: PEMATUHAN

- i. Pasukan hanya dibenarkan membawa masuk penonton mengikut kapasiti yang diluluskan oleh MKN dan MFL.
- ii. MFL berhak untuk membatalkan atau menarik balik hak kebenaran kemasukan penonton ke stadium disebabkan oleh kegagalan penonton atau pasukan tuan rumah (PTR) mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- iii. MFL dan Pasukan berhak untuk tidak membenarkan masuk atau mengusir mana-mana individu yang melanggar SOP yang telah ditetapkan.
- iv. Hanya penonton PTR sahaja dibenarkan masuk ke stadium bagi menyaksikan perlawanan.
- v. Kedudukan penonton hendaklah diasingkan mengikut zon sepanjang perlawanan seperti gambarajah I.
- vi. Penonton hendaklah mengekalkan penjarakkan fizikal seperti di gambarajah II.
- vii. **Tandas akan ditutup pada waktu rehat perlawanan separuh masa** bagi mengelakkan penonton berkumpul. Penonton hanya dibenarkan ke tandas sebelum dan semasa perlawanan berlangsung dan penggunaan tandas juga perlu dikawal.
- viii. Kemasukan penonton ke stadium hendaklah dikawal rapi berjadual dan bersistematik bagi mengelakkan kesesakan di pintu-pintu masuk.
- ix. Hanya penonton yang bertiket sahaja dibenarkan masuk ke stadium.
- x. Kanak-kanak yang berumur **di bawah 12 tahun dan warga dewasa berumur 60 tahun ke atas** yang mempunyai masalah kesihatan atau penyakit kronik tidak digalakan hadir.
- xi. Jadual kemasukan masuk ke stadium adalah seperti berikut:

WAKTU SEPAKMULA	WAKTU MASUK YANG DITETAPKAN	PINTU DITUTUP
9.00 malam	6.00ptg - 8.30 mlm	8.30 mlm
8.15 malam	5.00ptg - 7.45 mlm	7.45 mlm
4.45 petang	3.00ptg - 4.15 ptg	4.15 ptg
WAKTU PADA BULAN RAMADAN		
WAKTU SEPAKMULA	WAKTU MASUK YANG DITETAPKAN	PINTU DITUTUP
10.00 mlm (Semenanjung Malaysia)	7.45 mlm - 9.45 mlm	9.45 mlm
9.15 mlm (Sabah dan Sarawak)	7.00 mlm - 9.00 mlm	9.00 mlm

- xii. MFL hanya meluluskan stadium bagi kemasukan penonton kepada pasukan-pasukan yang mematuhi dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.
- xiii. **Hanya penonton Pasukan Pelawat yang berada di dalam kawasan atau negeri Pasukan Tuan Rumah sahaja dibenarkan hadir untuk menyaksikan perlawanan. Tiada konsep bertandang ke venue tempat lawan (Away Day) seperti arahan Kerajaan Malaysia yang belum membenarkan rentas negeri.**

BAHAGIAN 3: TANGGUNGJAWAB PASUKAN TUAN RUMAH (PTR)

- i. Memastikan stadium didaftarkan di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui pautan notification.miti.gov.my.
- ii. Pasukan hendaklah meletakkan QR code di setiap pintu masuk stadium sebagai contoh aplikasi MySejahtera bagi melancarkan perjalanan keluar masuk di stadium pada hari perlawanan.
- iii. Menyediakan petugas stadium (*match day stewards*) dan petugas keselamatan serta peralatan (alat saringan suhu badan & *hand sanitizer*) yang mencukupi bagi mengawal selia pematuhan SOP.
- iv. Membuat hebahan maklumat berkaitan tatacara serta tanggungjawab penonton untuk masuk ke stadium melalui media cetak atau media sosial (info grafik dan video grafik) mengenai perkara-perkara penting berkenaan kemasukan penonton.
- v. Menyediakan papan tanda serta poster-poster peringatan dan petunjuk arah di stadium.
- vi. Memastikan penutupan dan pemantauan bagi laluan-laluan yang menjadi laluan tikus bagi mengelakkan banjir masuk penonton ke stadium.
- vii. Melaksanakan proses sanitasi dan disinfeksi di tempat duduk penonton sebelum dan selepas perlawanan.
- viii. PTR hendaklah memastikan petugas-petugas yang dilantik diberi taklimat tentang tugas masing-masing, membuat pemantauan, rondaan dan mengawalselia di setiap zon.
- ix. Memastikan penonton sentiasa mengekalkan penjarakkan fizikal dan sentiasa memakai pelitup muka sepanjang perlawanan dan sehingga meninggalkan stadium.
- x. Memastikan mana-mana individu yang mencatatkan bacaan suhu badan melebihi 37.5°C, tidak dibenarkan masuk ke stadium. Suhu hendaklah diambil pada dahi.
- xi. Menyediakan *hand sanitizer* di persekitaran stadium, di pintu masuk dan di dalam stadium terutamanya di tempat-tempat tumpuan.
- xii. Menyediakan ruangan solat yang mencukupi serta dikawal rapi penggunaan.
- xiii. Petugas-petugas stadium hendaklah memastikan penonton meninggalkan atau mengosongkan stadium dalam masa 30-45 minit setelah tamat perlawanan.
- xiv. Memastikan semua bilik dan peralatan yang telah digunakan disanitasi selepas tamat perlawanan.
- xv. Memastikan pelan keselamatan dan tatacara pengendalian kes-kes kecemasan disediakan dengan efisien.
- xvi. Memastikan proses masuk dan penyuraian penonton berjadual dan bersistematik bagi mengelakkan penonton berkumpul dan bersesak.
- xvii. Jualan hanya dibenarkan di kedai-kedai yang sedia ada di Kawasan stadium sahaja dibenarkan untuk beroperasi. Gerai-gerai sementara adalah tidak dibenarkan untuk beroperasi.

BAHAGIAN 4: TANGGUNGJAWAB PENONTON

- i. Adalah menjadi tanggungjawab penonton untuk menanggung sebarang risiko untuk hadir ke stadium menyaksikan perlawanan.
- ii. Individu (Pemegang Tiket) yang memegang tiket hendaklah membaca, memahami, bersetuju untuk menerima dan mematuhi terma dan syarat serta SOP kemasukan penonton ke stadium.
- iii. Penonton tidak boleh mendakwa, menyaman atau menuntut ganti rugi daripada mana-mana pihak sekiranya dijangkiti wabak atau penyakit disebabkan kehadiran ke stadium.
- iv. **Wajib membawa Kad Pengenalan atau passport asli** bersama tiket bagi tujuan pengesahan dan kemasukkan.
- v. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap diri sendiri dengan tidak hadir ke stadium jika mempunyai gejala dan penyakit kronik.
- vi. Memakai pelitup muka sepanjang berada di dalam stadium dan kawasan persekitaran stadium.
- vii. Kerap membersihkan tangan dengan menggunakan *hand sanitizer*.
- viii. Penonton hendaklah mengekalkan penjarakkan fizikal pada setiap masa.
- ix. Penonton dinasihatkan supaya menghadkan pergerakan serta sentiasa berada di tempat duduk masing-masing sepanjang perlawanan.
- x. Penonton tidak digalakkan bersentuhan atau bercampur dengan penonton lain ketika bersorak atau meraikan gol.
- xi. Penonton dilarang meludah dan menghembus hingus sepanjang berada di dalam stadium.
- xii. Peralatan seperti alat bunyian (gendang), tiang bendera hendaklah disanitasi terlebih dahulu sebelum dibawa masuk ke dalam stadium yang mana kebenaran masuk dan jumlah alat bunyian akan ditentukan oleh pihak Polis dan pihak berkuasa tempatan di negeri masing-masing.
- xiii. Digalakkan membawa sejadah masing-masing untuk tujuan solat.
- xiv. Meninggalkan stadium serta-merta sejurus tamat perlawanan.
- xv. Penonton adalah sama sekali dilarang berhimpun atau menunggu pemain di luar perkarangan stadium.

BAHAGIAN 5: TIKET ATAS TALIAN (ONLINE)

- i. Tiket hanya dijual **secara atas talian (online) sahaja** oleh vendor MFL iaitu Ticket Hotline International.
- ii. Penonton perlu mengisi nombor kad pengenalan atau passport dan apa-apa maklumat yang berkaitan untuk membeli tiket perlawanan.
- iii. Seorang penonton hanya dibenarkan membeli 2 tiket sahaja.
- iv. Pembeli hendaklah bersetuju dengan terma dan syarat yang dikenakan oleh MFL dan pengeluar tiket sebelum pembelian dibuat.

- v. Hendaklah membawa tiket perlawanan bersama-sama kad pengenalan atau passport asli untuk tujuan pemeriksaan dan semakan sebelum masuk ke stadium.
- vi. Penonton yang tidak membawa kad pengenalan atau passport asli tidak dibenarkan masuk ke stadium.
- vii. Tiket adalah dilarang sama sekali dipindah milik.



BAHAGIAN 6: TEMPAT DUDUK PENONTON

- i. Stadium akan dibahagikan kepada empat zon (mengikut kesesuaian) seperti gambarajah di bawah :



Gambarajah I


- ii. Penonton hendaklah dibahagikan kepada 4 zon (mengikut kesesuaian).
- iii. Walau bagaimanapun, bagi stadium yang mempunyai tempat duduk terhad dibahagian Zon A dan Zon D, zon tersebut hanya dibenarkan jumlah kemasukan penonton yang terhad.



Gambarajah II

- iv. Bagi memastikan penjarakkan fizikal dipatuhi, penjarakkan antara 2 buah kerusi akan diduduki oleh seorang penonton seperti di gambarajah II.
- v. Jumlah tetamu VVIP/VIP adalah sebanyak 50 orang (30 PTR & 20 PL). Jumlah ini tidak termasuk di dalam peratusan jumlah kemasukan penonton ke stadium yang telah dibenarkan oleh Kerajaan Malaysia.

- vi. Tetamu VVIP/VIP tidak termasuk peratusan kelulusan yg dibenarkan. Komposisi VVIP/VIP adalah seperti berikut:
 - a. Tetamu DiRaja
 - b. Menteri-Menteri Kabinet
 - c. Menteri Besar/Ketua Menteri
 - d. Tetamu FAM dan MFL
 - e. Ahli Lembaga Pengarah Kelab
 - f. Ahli Eksekutif Persatuan
 - g. Penaja-penaja pasukan dan MFL
 - h. Ahli Keluarga Pemain dan Pegawai pasukan
- vii. Hanya satu pintu keluar dan masuk dibenarkan dibuka bagi setiap zon.
- viii. Zon Official Area (OA) merupakan zon yang akan diduduki oleh tetamu VVIP/VIP, Pegawai Pasukan dan Pemain Simpanan, Kru Penyiar Rasmi, Pengamal Media dan turut diduduki oleh pegawai dan pemain simpanan pasukan.
- ix. Zon Official Area (OA) perlu di pastikan tidak berhampiran dan bercampur dengan kedudukan pegawai-pegawai dan pemain-pemain simpanan.
- x. Tempat duduk penonton akan dibahagikan mengikut jumlah yang sesuai bagi memastikan penjarakkan fizikal semasa perlawanan dapat dilaksanakan.
- xi. Bagi tempat duduk lantai simen mesti dijarakkan 1.5 meter dan hendaklah di tandakan seperti gambarajah III



Gambarajah III

BAHAGIAN 7: KELULUSAN

Pasukan hendaklah mematuhi terma dan syarat-syarat seperti berikut bagi melayakkan penonton dibenarkan masuk ke stadium. MFL akan memutuskan stadium yang layak setelah semua kriteria utama dipenuhi sepenuhnya oleh PTR serta serahan dookumen yang dipinta ke MFL.